

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, July 23, 2018 11:16 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Karnival Varsiti IMT-GT - Serlahkan Potensi, Bina Jaringan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

23 JULAI 2018 / 10 ZULKAEDAH 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

KARNIVAL VARSITI IMT-GT - SERLAHKAN POTENSI, BINA JARINGAN



UUM ONLINE: Peserta dari Malaysia, Indonesia dan Thailand menimba pengalaman berharga dalam menyerlahkan potensi dan membina jaringan antarabangsa sempena Karnival Varsiti IMT-GT Ke-20, 2018, di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau, Perlis.

Pelajar Sarjana Muda Pemasaran, Norsyahirah Shafie mewakili Universiti Utara Malaysia dalam Seminar IMT-GT yang menyaksikan pembentangan dan perbincangan isu semasa, *Moving Towards Industrial Revolution (IR4.0); The Role Of Youth In Virtual Entrepreneurship*.

“Seminar ini memfokuskan peranan belia dalam keusahawanan maya yang didedahkan tentang bagaimana menyediakan kertas akademik termasuk abstrak, *citation*, semua kertas yang dihasilkan akan dibukukan menjadi jurnal.

“Kami dapat memahami dengan lebih jelas bagaimana revolusi industri 4.0 memberi impak kepada belia dan peranan belia dalam keusahawanan maya yang dikupas oleh pasukan UUM yang terdiri daripada 3 pelajar yang dibimbing oleh Cik Sharima Ruwaida Abbas yang amat berdedikasi,” katanya.

Ujarnya, pelajar diberi peluang menyediakan kertas kerja akademik yang memerlukan daya pemikiran kritis, membuat keputusan dan kemahiran komunikasi berkesan untuk membentuk keyakinan diri ketika berhadapan dengan khalayak.

Mengakui pengalaman pertama menimba ilmu dalam karnival ini amat mengujakan kerana berpeluang menyaksikan pertukaran budaya antara negara, sambil bertukar-tukar idea.

“Apabila pelajar dari pelbagai universiti berkumpul peserta dapat melihat pelbagai perbezaan, silang budaya dan untuk menggerakkan persefahaman, seterusnya berusaha mencari penyelesaian yang akhirnya menyatukan semua peserta.

“Kami turut berpeluang berkenalan dengan pelajar yang datang dari pelbagai negara selain melawat destinasi menarik termasuk Pulau Langkawi,” tambahnya.

Dalam pada itu, Kontinjen UUM menyertai acara sukan yang dipertandingkan seperti Bola Sepak, Bandminton, Tennis, Bola Tampar (wanita) Bola Keranjang (lelaki) dan petanque.

Bagi pelajar Sarjana Muda Perbankan, Mohd Iqbal Ahmad Azahari yang menyertai acara tenis teruja dapat bersaing dengan atlet luar negara yang menampilkan aksi memukau.

“Persaingan memang sengit dari tiga negara, kali ini kami berjaya ke separuh akhir dan berharap dapat membuat yang terbaik serta memperoleh pingat demi mengharumkan nama UUM,” luahnya.

Mengangkat tema *Winning is good but friendship is number one*, kira-kira 1,000 peserta dari 12 universiti seperti Universiti Utara Malaysia (UUM) Universiti Sains Malaysia (USM), dan Universiti Teknologi Mara Perlis (UiTM Perlis), Universitas Sumatera Utara (USU), Prince of Songkla (PSU), Universitas Negeri Medan (UNIMED) dan Universitas Syiah Kuala (UNSYIAH).

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



AACSB
ACCREDITED



ASSOCIATION
AMBA
ACCREDITED



IQA
International
Quality
Accreditation



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.